



Berikut adalah teks temubual eksklusif oleh krew paksi.net bersama Ustaz Mohammad Nidzam Bin Abd Kadir bersempena Awal Muharam 1431 H.

Penemubual : Abd Rahman Bin Zulkipli

Penyunting : Zulkifly Bin Mohd Yunus

Setelah memberi salam dan memperkenalkan diri, sesi temubual pun dimulakan...

Rahman: Sebagai permulaan boleh tak ustaz ceritakan sedikit dari segi latar belakang hijrah Rasulullah SAW?

Ustaz Nidzam: Bismillaahirrahmaanirrahiim. Assalaamu'alaikum. Baik terima kasih kepada yang bertanya. Sebenarnya peristiwa hijrah ini adalah satu peristiwa yang berlaku kepada Rasulullah SAW yakni ketika Nabi SAW berhijrah daripada kota Mekah ke Madinah Al-Munawwarah. Sebenarnya sebelum hijrah Rasulullah SAW itu ada hijrah lain iaitu hijrah daripada Mekah ke Habsyah dengan arahan dan izin daripada Rasulullah SAW apabila umat Islam menghadapi tekanan, seksaan dan sebagainya. Ketika itu Rasulullah SAW belum berhijrah. Hijrah yang menjadi asas perbincangan ini ialah hijrah Rasulullah SAW setelah mendapat izin daripada Allah SWT.

Peristiwa hijrah ini merupakan peristiwa yang besar sebenarnya kerana kalau kita kaji kitab-kitab sejarah, kitab sirah Rasulullah SAW antaranya susunan Sheikh Muhammad Al-Ghazali Rahimahullah, Fiqh Sirah, ataupun Dr. Muhammad Said Ramadhan Al-Buti, Fiqh Sirah Nabawiyah, begitu juga kitab Rahiqum Makhtum karangan Sheikh Mubarak Puri, dan juga buku-buku sirah yang lain, mereka memberikan perhatian yang besar kepada peristiwa hijrah Rasulullah SAW. Ini kerana ia merupakan titik permulaan yang penting kepada Islam itu sendiri. Perkembangan Islam sekitar 13 tahun di Mekah itu agak kurang memberangsangkan. Walaupun ada yang menerima Islam, tetapi tekanan-tekanan yang diberikan agak mengancam kedudukan Islam. Hijrah itu merupakan permulaan kepada satu fasa yang baru. Itu satu sudut yang pertama.

Sudut yang keduanya, kita melihat pengajaran yang terkandung dalam peristiwa hijrah itu begitu banyak. Para Ulama' mengkaji daripada segi hukum Feqahnya, hukum strategi-strategi yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dan pelbagai lagi. semuanya ini bersumberkan kepada hijrah Rasulullah SAW. Justeru itu peristiwa hijrah ini merupakan satu perkara yang besar. Ada sebuah hadith Rasulullah SAW selepas peristiwa hijrah yang menerangkan tentang konsep hijrah. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Maka barangsiapa hijrahnya itu kepada Allah SWT dan Rasul-Nya maka hijrahnya itu kepada Allah SWT dan Rasul -Nya. Barangsiapa yang hijrahnya itu kerana dunia yang ingin ia kejar atau seorang wanita yang ingin ia nikahi, maka hijrahnya itu kepada apa yang dia berhijrah kepadanya.” Jadi latar belakang hijrah itu bertitik tolak daripada hijrah Rasulullah SAW.

Rahman: Apakah maksud hijrah itu sendiri? Adakah ia sekadar perpindahan atau ada maksud-maksud lain.

Ustaz Nidzam: Hijrah ni maknanya kita berpindah dan perpindahan ini banyak makna, kita berpindah tempat, kita berpindah daripada suatu keadaan dan sebagainya. Tetapi hijrah yang merujuk kepada Rasulullah SAW nampak gayanya ialah hijrah tempat kerana merujuk kepada perpindahan daripada Mekah ke Madinah. Rasulullah SAW pun menyatakan dalam hadith iaitu "tidak ada hijrah setelah pembukaan kota Mekah". Maknanya daripada tahun hijrah Rasulullah SAW itu, perpindahan sentiasa berlaku. Umat Islam diseru untuk berhijrah keluar daripada kota Mekah. Maknanya sentiasa ada hijrah daripada Mekah ke Madinah untuk bersatu dengan Rasulullah SAW. Ada ayat quran yang menyebutkan tentang golongan yang tidak berhijrah. Mereka ini seolah-olah diabaikan seketika kerana tidak berhijrah. Ertinya konsep yang dipakai disini ialah perpindahan tempat daripada Mekah ke Madinah untuk bersatu dengan Rasulullah SAW.

Sebelum pembukaan kota Mekah ada perjanjian Hudaibiyah, maknanya masih lagi ada hijrah ketika itu. Salah satu isi perjanjian itu ialah siapa yang datang kepada Muhammad (daripada Mekah ke Madinah) hendaklah dikembalikan kepada orang Mekah dan barangsiapa yang datang daripada Madinah ke Mekah, lari daripada nabi, keluar daripada Islam, tak perlu dikembalikan kepada nabi. Jadi konsep hijrah itu masih ada lagi. Perjanjian Hudaibiyah itu berlaku sekitar tahun ke-6 hijrah.

Apabila berlaku pembukaan kota Mekah, sekitar tahun ke-9 hijrah, Rasulullah SAW menyatakan tidak ada hijrah selepas pembukaan kota Mekah. Maknanya perpindahan tempat daripada Mekah ke Madinah sudah tidak ada. Namun, Rasulullah SAW menyatakan ada 2 perkara iaitu jihad dan juga niat. Jihad masih ada dan niat masih ada. Maknanya ini berkekalan. Justeru kalau kita melihat hijrah daripada sudut yang sempit (perpindahan daripada Mekah ke Madinah) memang sudah tidak ada dan kita hari ini pun di Malaysia tak dituntut untuk berpindah ke Mekah atau Madinah sebab tidak ada lagi hijrah dalam makna yang itu. Tapi hijrah hari ini kita nak lihat daripada sudut yang lebih luas, merujuk kepada suatu perpindahan daripada keadaan yang kurang baik kepada keadaan baik ataupun keadaan baik kepada yang lebih baik. Hijrah ini sentiasa ada sebab kita masuk dalam ertikata niat dan jihad itu. Niat untuk melaksanakan kebaikan sentiasa ada dalam Islam. Jihad ini dalam ertikata kita berusaha bersungguh-sungguh. Jihad daripada segi ekonominya, sosial dan kemasyarakatannya, ketenteraan dan sebagainya. Jadi kita nak mengubah keadaan itu.

Begitu juga kalau kita melihat dalam hadith Rasulullah SAW, "orang yang muslim itu ialah orang yang sejahtera orang Islam daripada dia". Ertinya orang lain selamat daripada lidahnya dan tangannya. Manakala orang yang muhajir itu ialah orang yang berhijrah daripada apa yang ditegah oleh Allah SWT. Jadi bukan merujuk kepada hijrah tempat yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW, tapi dalam bentuk yang lebih luas lagi. Justeru kalau kita melihat, hijrah itu ada makna khusus pada zaman Rasulullah SAW dan ada makna umum yang boleh kita aplikasikan dalam zaman kontemporari.

Rahman: Terima kasih Ustaz. Baik, kalau kita melihat tahun demi tahun hijrah berlalu, pelbagai slogan dikeluarkan, pelbagai ceramah diadakan berkenaan dengan hijrah pada zaman Rasulullah SAW dan hijrah pada zaman sekarang. Namun apa yang kita lihat dan dengar dalam kaca televisyen, terutama remaja dan pemuda, masalah sosial semakin meningkat. Kes buang anak, merompak, mengambil dadah. Jadi ustaz, bagaimanakah penghayatan umat Islam tentang konsep hijrah itu sendiri dan di manakah silangnya?

Ustaz Nidzam: Ya kalau kita melihat kepada penghayatan konsep hijrah ini, saya nampak sebahagian besar daripada masyarakat kita khasnya golongan muda-mudi, remaja, masyarakat yang berusia 35 tahun ke bawah itu agak jauh daripada hijrah. Bukan sekadar jauh daripada hijrah bahkan jauh daripada Islam sebenarnya. Sebab itu kita menghadapi masalah yang besar. Masalah sosialnya, masalah solat pun tak selesai lagi. Ramai lagi orang yang tak solat dan ramai lagi yang solat tapi tak cukup sempurna. mungkin solat 1 atau 2 waktu sahaja sehari. Apatah lagi dengan kewajipan-kewajipan yang lain dalam Islam itu. Islam itu sendiri jauh, bagaimana kita nak bercakap soal hijrah mereka ini? Cumanya kita nak supaya umat Islam itu diberikan suatu cas atau satu tenaga baru untuk mereka menghayati Islam. Jadi kita nak gunakan peristiwa hijrah ini untuk membawa balik penghayatan masyarakat supaya mereka dekat dengan Rasulullah SAW dan Islam. Slogan-slogan itupun dipilih berdasarkan kepada isu umat Islam kini. Misalnya kalau kita tengok sekarang ini masalah perpaduan umat Islam, maka dipilih slogan yang berkait dengan Ukhuwwah Islam, perpaduan Umat Islam dan juga slogan-slogan yang sesuai.

Kita lihat golongan muda-mudi kini makin jauh. Soal auratnya, soal pergaulannya, soal akhlaknya tak menggambarkan sebagai seorang Muslim atau sebagai seorang Muslimah. Sebab itu kalau kita lihat kes-kes rasuah misalnya, kebanyakannya adalah orang Islam. Ini menggambarkan imej Islam yang negatif kepada orang bukan Islam. Kalau kita melihat kes buang anak dan sebagainya, saya yakin kebanyakannya adalah orang-orang Islam juga. Ini menggambarkan jauhnya mereka daripada hijrah itu kerana jauhnya daripada Islam. Maka dalam soal ini kita kena berpatah balik semula kepada Islam itu sendiri. Islam yang sebenar, yang mudah, yang dipraktikkan pada zaman Rasulullah SAW.

Rahman: Baik Ustaz kalau kita tengok sekarang ni ada 2 tahun baru. Satu tahun baru masihi dan satu lagi tahun baru hijrah. Tapi kalau kita tengok tahun baru masihi itu mendapat sambutan yang lebih hangat. Jadi adakah ini bertepatan dengan Islam? Apakah pandangan Ustaz?

Ustaz Nidzam: Bagi saya, kalau kita menjadikannya sebagai perayaan, itu adalah suatu perkara yang tidak wajar, samada tahun baru hijrah atau masihi. Ia sebaliknya adalah satu titik tolak dalam memangkinkan Umat Islam kepada suatu arah yang lebih baru sebenarnya. Tahun hijrah ini sebenarnya berkait dengan soal ibadat kita. yang keduanya berkait dengan peristiwa hijrah Rasulullah SAW. Kebanyakan daripada kita tidak memberikan perhatian kepada tahun baru hijrah, atau bulan-bulan hijrah itu sendiri. Kalau ditanya ketika ramadhan mungkin kita tahu. Tapi kalau ditanya tarikh hijrah pada bulan-bulan yang lain, saya yakin ramai yang tidak dapat menjawab. ini kerana kita kurang memberikan perhatian kepada bulan-bulan Islam. masyarakat kita lebih tahu tentang Januari, Februari, Happy New Year, Valentine's Day, April Fool dan sebagainya. Kita mengetahui itu tidak mengapa. Kita seronok dengan kedatangan tahun baru itu tidak mengapa. Tapi ia berkait dengan sikap kita. Tahun baru hijrah yang berkait dengan Islam kita kurang beri perhatian, manakala tahun masihi yang tidak berkait dengan Islam sangat kita lebih tahu. Kita tidak tahu tarikh-tarikh Islam melainkan puasa dan hari raya. Ini menggambarkan pemikiran kita yang jauh daripada Islam itu sendiri. Secara zahirnya begitulah.

Rahman: Apakah sarana-sarana yang Ustaz cadangkan bersempena dengan tahun baru hijrah ini supaya kita lebih menghayati hijrah itu sendiri?

Ustaz Nidzam: Kita melihat tahun baru hijrah ini dengan sudut Ibadat itu sendiri seperti yang disarankan dalam Al-Quran dan Hadith. Dalam Al-Quran Allah SWT sebut, "Mereka bertanya kepada kamu tentang bulan, katakanlah Muhammad bahawa bulan-bulan itu adalah panduan waktu-waktu bagi manusia dan juga haji." Jadi ia berkait dengan persoalan Ibadah itu sendiri. Sebab itulah kita perlu mengetahui tentang bulan Islam. Kalau kita memberi perhatian, kita dapat melihat bagaimana dalam sebahagian daripada hadith Rasulullah SAW ada peruntukan untuk kita melakukan Ibadah. Antara Ibadah yang sering dilalaikan oleh Umat Islam ialah saranan Rasulullah SAW untuk kita berpuasa pada 10 Muharam dan juga 9 Muharam. Kalau tahun ini, ia berlaku sekitar 26 dan 27 Disember 2009. Rasulullah SAW menyebut tentang fadhilatnya. Kalau kita tak memberi perhatian kepada kalendar Islam, bagaimana kita nak memberi perhatian kepada sunnah Rasulullah SAW? Ini kerana ia berkait dengan tarikh dalam bulan Islam. Setiap bulan itu sebenarnya ada program-program Ibadah yang wajar untuk kita lakukan. Misalnya puasa putih (13,14,15 setiap bulan Islam) itu sebahagian daripada sunnah Rasulullah SAW. Jadikan ini perhatian kita.

Saya lihat masyarakat kita kurang memberikan perhatian kepada perkara yang sepatutnya sebaliknya memberikan perhatian kepada perkara yang kurang ditekankan dalam hadith. Saya tak katakan salah. Misalnya masyarakat kita memberikan perhatian kepada bubur asyura. Seolah-olah 10 Muharam itu wajib buat bubur asyura. Ketika saya berada di kampung pun sebahagian ustaz-ustaz yang mengajar menekankan soal bubur asyura tapi sepatah pun tak terbit soal puasa 10 Muharam. Bukan adat itu salah, itu aktiviti masyarakat dan kita dapat mengenal antara satu sama lain. Tapi kenapa kita tak sebut langsung tentang puasa sunat 10 muharam itu? Alangkah comelnya kalau kita masak bubur asyura beramai-ramai, berpuasa dan berbuka bersama-sama dengan bubur yang dimasak. Kita mendapat pahala melaksanakan sunnah dan dapat fadilat menghapuskan dosa setahun yang lalu. Bahkan kita dapat menghidupkan aktiviti masyarakat yang baik. Jadi penekanan perlu diberikan kepada sebahagian besar hadith Rasulullah SAW. Kita nak masyarakat ini hidup bukan dengan adat semata-mata tapi hidup dengan syari'at Islam. Kalau diikat dengan adat, ia tak tahan lama. Adat adalah pemikiran masyarakat. mungkin sesuai pada zaman dulu, sekarang sudah tidak lagi. atau mungkin masih sesuai tapi masyarakat dah melupakan. Jadi adat itu perlu difahami dengan syarak.

Misalnya kalau kita tengok adat batal air sembahyang (bagi pasangan baru berkahwin), ia adalah satu simbolik supaya orang yang belum berkahwin tak boleh berpegangan sesuka hati. Bila dah nikah baru boleh pegang. Itu dikatakan simbolik adat batal air sembahyang. tapi hari ini masyarakat dah hilang konsep tu. Sebelum kahwin lagi dah usung sana, usung sini, pegang segala-

galanya. Bila akad nikah, konsep batal air sembahyang tu dah tak bermakna lagi dah. Ini simbolik yang perlu kita faham. Jadi kita perlu ikat adat tadi dengan syari'at. Adat bubur asyura juga kita nak ikat dengan sunnah Rasulullah SAW berpuasa pada 9 dan 10 Muharam.

Rahman: Baik Ustaz soalan terakhir, apakah nasihat Ustaz kepada remaja atau muda-mudi kita pada zaman sekarang ini?

Ustaz Nidzam: Saya rasa kita perlu hijrah daripada sudut beberapa konsep ilmu. Ertinya kita perlu buat sesuatu perkara berdasarkan kepada ilmu. Begitu juga dalam soal agama. Kita kena banyak kaji buku-buku agama yang baik, pilih buku agama yang berkualiti di mana ada ayat-ayat Al-Quran dan hadith yang disebut, Ulama' mana yang meriwayatkan, dan sebagainya. Jangan kita ambil buku-buku picisan begitu sahaja tanpa ada hadith yang disandarkan kepada kitab-kitab yang muktabar.

Yang keduanya kita nak hijrah daripada sudut kematangan ilmu dalam ertikata kita berlaping dada terhadap perbezaan-perbezaan pandangan. Ilmu ni luas. Kita boleh matangkan Ilmu kita, kita boleh berlaping dada. Apa saja yang kita buat yang diikat dengan Syari'at, diikat dengan ilmu, insya-Allah tidak salah. Mungkin ada pandangan yang kita ambil itu tidak popular dalam masyarakat kita tapi kalau kita faham sesuatu pandangan, kita kaji pandangan tersebut, kita nak amalkan tidak salah. Kita masih diikat dengan ilmu dan tidak lari daripada Al-Quran, Sunnah dan pandangan Ulama' yang muktabar. Ertinya kita buat sesuatu dalam panduan syari'at. Syari'at ini luas. Pandangan Ulama' masih lagi masuk dalam ertikata Syari'at itu sendiri.

Jadi kepada muda-mudi di luar sana, kepada remaja, patah balik kepada soal ilmu tu. Pegang semula kepada Quran dan Hadith berdasarkan huraian Ulama' yang muktabar. Jangan ikut kepala kita saja. Quran pun kita tak hafal, hadith Rasulullah SAW pun kita tak hafal banyak, mungkin sekadar hadith 40 Imam Nawawi. Itupun kita tak hafal habis. Banyak lagi ustaz-ustaz yang tak hafal hadith 40 itu dan sebagainya. Jadi kita berpandukan kepada Ulama' yang muktabar, Imam Malik, Imam Syafi'i, Imam Abu Hanifah, Imam Ahmad Bin Hanbal, Imam Nawawi, Imam Ibnu Taymiah, Ibnu Qayyim, Imam Al-Ghazali dan lain-lain. Ini semua Ulama' yang betul-betul faham Quran, faham sunnah Rasulullah SAW.

Hari ini kita menghadapi masalah banyak pemikiran-pemikiran, sebab itu kita kena berpegang semula kepada Quran, sunnah, ijma' para Ulama' dan pandangan Ulama' yang muktabar. Kalau hari ni ada ustaz-ustaz yang bagi fatwa dan sebagainya, tanya sumbernya di mana. Sebab ustaz hari ini tak sama dengan Ulama' zaman dulu. Ulama' dulu hafal quran, Ustaz hari ni tak hafal quran. Ulama' dulu hafal berpuluh ribu hadith, Ustaz hari ni mungkin hafal 40 hadith ataupun 100 hadith sahaja. Ulama' dulu mempunyai penguasaan bahasa Arab, Ustaz hari ni mungkin nahu (tatabahasa) nya masih lintang pukang lagi. Jadi banyak kekurangan. Kalau kita nak ambil, ambil kat mana sumbernya supaya jelas kita melakukan sesuatu perkara itu berdasarkan kepada sumber yang sahih. Insya-ALLAH.

Rahman: Terima kasih Ustaz atas perkongsian ini dan apa yang saya dapat simpulkan ialah kita kena kembali kepada 2 sumber yang utama iaitu Quran dan Sunnah ya ustaz

Ustaz Nidzam: Ya, Quran dan Sunnah dan juga berdasarkan kepada huraian Ulama' yang muktabar.

Rahman: Terima kasih sekali lagi ustaz dan mudah-mudahan perbincangan ini mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

Ustaz Nidzam: Amiin, Insya-Allah.

Mohammad Nidzam Abd Kadir. Lulusan Sarjana dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), kini berkhidmat sebagai pensyarah juga di UIAM. Berpengalaman menimba ilmu di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan, kemudian menyambung pelajaran di Universiti Al-Azhar dan kursus peringkat Sarjana di American Open University, Kaherah. Aktif dalam penulisan di blog, Majalah Solusi, dan telah menghasilkan beberapa buku ilmiah. Lawati blog beliau, <http://nidzamkadir.blogspot.com>

Muat turun teks ini di paksi.net. Hantarkan komen dan cadangan anda ke paksi.net@gmail.com. Teks ini boleh diedarkan atau dicetak semula tanpa melakukan apa-apa perubahan. Hakcipta Terpelihara © Paksi.net 2009